

17/11/2003

Had cuti bersalin bergaji penuh

Emely S

SAYA terpanggil untuk memberi cadangan berhubung cuti bersalin iaitu cuti lima kali kepada kakitangan awam wanita yang bersalin dengan gaji penuh.

Melalui ruangan ini saya memohon pertimbangan dan kewajaran dari pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Wanita dan Keluarga agar peruntukan cuti bersalin ditambah daripada lima kali kepada tiada had langsung.

Antara sebab cadangan ini adalah:

- a. Untuk menghargai jasa dan pengorbanan kakitangan awam wanita yang berkerjaya.
- b. Kakitangan awam wanita yang mempunyai zuriat yang ramai (lebih lima orang) biasanya dari golongan berpendapatan rendah dan sederhana (kumpulan sokongan).
- c. Menyahut seruan mantan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke arah menambah penduduk mencapai 70 juta.

EMELY S,
Batu Pahat, Johor.